

Tinjauan Kecenderungan Pelajar Kursus Bahasa Mandarin Terhadap Kelas Dalam Talian Dan Kelas Bersemuka (An Overview of Mandarin Course Students' Tendencies Towards Online Classes and Face-to-Face Classes)

Tan Hua An^{1*}, Tan Tiam Lai²

¹Student Development Section, Malaysian Spanish Institute, Universiti Kuala Lumpur, Kulim, Kedah, Malaysia.

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Pengarang Koresponden: hatan@unikl.edu.my

Accepted: 15 April 2023 | Published: 30 April 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.64>

Abstrak: Penularan Covid-19 telah memberi impak besar kepada landskap pendidikan negara kita. Semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kelas dalam talian telah menjadi pilihan utama bagi para pengajar dan pelajar. Ketika kita memasuki fasa peralihan ke endemik, kelas bersemuka telah kembali seperti sediakala. Peralihan ini telah memberi pengalaman yang berlainan kepada pelajar melalui dua jenis mod pengajian yang berlainan iaitu kelas dalam talian dan kelas bersemuka. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau kecenderungan pelajar terhadap kelas dalam talian dan kelas bersemuka bagi kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Spanish Institut (UniKL MSI). Kajian ini menggunakan temu bual sebagai instrumen untuk mengumpul data. Seramai 12 orang pelajar UniKL MSI terlibat dalam kajian ini. Kesemua pelajar ini telah mengikuti kursus Mandarin 1 pada semester Januari 2022 secara dalam talian dan mengikuti kursus Mandarin 2 pada semester September 2022 secara bersemuka. Sebanyak tujuh soalan dikemukakan semasa temu bual. Hasil kajian menunjukkan pelajar lebih cenderung kepada kelas bersemuka berbanding dengan kelas dalam talian bagi kursus bahasa Mandarin. Kajian ini diharap menyumbang maklumat yang berguna kepada pihak pengurusan dan warga pendidik untuk merancang dan menggunakan mod pengajian yang sesuai demi kebaikan pelajar.

Kata kunci: kursus bahasa Mandarin, kelas dalam talian, kelas bersemuka

Abstract: The spread of Covid-19 has had a major impact on the educational landscape of our country. During the implementation of the Movement Control Order (MCO), online classes have become the most important option. As we enter the transition phase to endemic, face-to-face classes are back to normal. This transition has given students a different experience through two different types of study modes, namely online classes and face-to-face classes. In relation to that, this study aims to survey students' attitudes towards online classes and face-to-face classes for Mandarin as a foreign language course at University of Kuala Lumpur, Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI). This study uses interviews as an instrument to collect data. A total of 12 UniKL MSI students were involved in this study. All of these students have attended the Mandarin 1 course in the January 2022 Semester online and attended the Mandarin 2 course in the September 2022 Semester face-to-face. A total of seven questions were asked during the interview. The results of the study show that students are more inclined

to face-to-face classes compared to online classes for Mandarin courses. This study is expected to contribute useful information to management and educators to plan and use appropriate study modes for the benefit of students.

Keywords: Mandarin course, online class, face-to-face class

1. Pengenalan

Demi memerangi penularan pandemik Covid-19 dan memutuskan rangkaian wabak ini, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) (Rozelia Haizah & Nur Farahkhanna, 2022). Susulan daripada ini, kelas bersemuka di semua institusi pendidikan tidak dapat diadakan seperti sedia kala. Sebagai cara alternatif, kelas dalam talian digunakan agar murid dan pelajar tidak tercicir dalam menuntut ilmu pengetahuan dan tidak ketinggalan dalam pelajaran masing-masing.

Bermula 1hb April 2022 negara kita telah masuk ke fasa peralihan ke endemik. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga telah kembali semula kelas bersemuka pada pertengahan Oktober tahun 2022. Setelah melalui kelas dalam talian hampir tiga tahun, pelajar kembali semula kepada kelas secara bersemuka. Peralihan ini menandakan pelajar telah melalui dua pengalaman yang berbeza iaitu kelas dalam talian dan kelas bersemuka.

Justeru itu, terdapat sebilangan pelajar telah mengalami pelaksanaan kelas dalam talian dan kelas bersemuka bagi kursus bahasa Mandarin. Sehubungan dengan ini, kajian ini diadakan untuk meninjau kecenderungan pelajar terhadap kelas dalam talian dan kelas bersemuka bagi kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di IPT.

2. Pernyataan Masalah

Sebelum ancaman wabak Covid-19 kelas secara bersemuka adalah pilihan utama. Semasa penularan wabak Covid-19 yang mengakibatkan penutupan IPT, kelas dalam talian telah menjadi alternatif yang terpenting untuk memastikan kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kini negara kita telah masuk fasa peralihan ke endemik, kelas bersemuka telah beransur-ansur kembali dijalankan seperti sedia kala.

Peralihan daripada kelas bersemuka kepada kelas dalam talian dan kembali semula kepada kelas secara bersemuka memberi pengalaman yang berbeza kepada pelajar.

Justeru itu, pengkaji berhasrat meninjau kecenderungan pelajar terhadap kelas dalam talian dan kelas bersemuka yang telah dilalui oleh pelajar semasa pembelajaran bahasa Mandarin.

3. Ulasan Kajian Lepas

Semasa penularan wabak Covid-19, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai jenis perintah kawalan pergerakan berdasarkan perkembangan semasa. Susulan daripada itu, kelas bersemuka di institusi pendidikan tidak dapat dijalankan seperti biasa. Kelas dalam talian telah menjadi alternatif terpenting demi memastikan kesinambungan sesi PdP. Sejalan dengan ini, muncul pelbagai jenis platform untuk kegunaan kelas dalam talian seperti Microsoft Teams,

Google Classroom, Cisco Webex serta platform melalui media sosial seperti Telegram, Whatsapp dan YouTube (Chung et al., 2020). Larry (2020) juga bersependapat. Pelbagai jenis platform telah diperkenalkan oleh industri pendidikan seperti Zoom, Microsoft Teams, Webex Blackboard dan Google Classroom (Larry, 2020).

Kajian menunjukkan platform tersebut diterima oleh responden. Contohnya kajian Khairul Izwan dan Zulkurnain (2021), Roziyaliney, Haris Fadillah & Norwahida (2021) serta Tan dan Tan (2023) ke atas Microsoft Teams. Kajian Mazidah dan Nor Aidawati (2021) menunjukkan Google Meet adalah platform yang bagus digunakan untuk kelas secara dalam talian. Kajian Norhafinas, Mohd Nizam dan Junaidah (2021) menunjukkan responden lebih menyukai Telegram berbanding dengan Google Classroom sebagai medium dalam talian.

Namun begitu, isu capaian internet sering menjadi cabaran dan halangan utama semasa pelaksanaan kelas dalam talian. Ini jelas dinyatakan dalam laporan kajian Muniroh, Siti Balqis dan Ch'ng (2020), Siti Balqis dan Muniroh (2020), Siti Nurshahidah et al. (2020), Nor Musfirah (2021), Noor Syaheerah dan Tajul (2021), Siti Azura, Suzana dan Zulkurnain (2021), Siti Nor Lailiyah, Yusmaria dan Zulkurnain (2021) serta Tan dan Tan (2022). Masalah capaian internet yang lemah, tidak stabil atau terputus-putus akan menyebabkan kelas dalam talian tidak dapat dijalankan dan sekaligus menjejaskan keberkesanan sesi PdP.

Selain itu, isu peralatan komputer juga menjadi cabaran dan halangan utama semasa pelaksanaan kelas dalam talian seperti yang dinyatakan dalam kajian Munirah et al. (2021), Siti Azura, Suzana dan Zulkurnain (2021).

Isu kesediaan pelajar dalam pembelajaran atas talian juga merupakan cabaran dan halangan yang harus diberi perhatian. Kajian Siti Balqis dan Muniroh (2020) mendapati pelajar belum bersedia dari segi fizikal serta mental. Kajian Nor Aidawati dan Mazidah (2021) juga mendapati kesediaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian berada pada tahap yang sederhana. Kajian Siti Nor Lailiyah, Yusmaria dan Zulkurnain (2021) juga menunjukkan hasil dapatan kajian menunjukkan tahap sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian berada pada tahap yang sederhana.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian lain yang menunjukkan hasil dapatan yang berlainan. Contohnya, kajian Tan dan Tan (2022) memperlihatkan pelajar mempunyai kesediaan yang baik terhadap pembelajaran atas talian bagi kursus bahasa Mandarin. Kajian Rozelia Haizah dan Nur Farahkhanna (2022) juga menunjukkan tahap kesediaan pelajar terhadap kaedah pembelajaran secara dalam talian adalah tinggi. Hasil kajian tersebut menunjukkan pembelajaran secara dalam talian memberi kesan yang positif ke atas minat serta motivasi pelajar.

Kajian Abdul Aziz dan Aida Zuraina (2020) menunjukkan bahawa pelajar bersedia dan mempunyai motivasi yang baik untuk menerima pembelajaran atas talian. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan pelajar masih tidak dapat menyesuaikan diri dalam konteks pembelajaran atas talian secara keseluruhan. Masalah kekeliruan pelajar dari segi penyampaian dan kemudahan pembelajaran harus diberi perhatian.

Hal yang sama juga ke atas kajian Siti Azura, Suzana dan Zulkurnain (2021) yang mendapati sebilangan pelajar berpendapat PdP dalam talian membawa kesan yang positif kepada mereka. Walau bagaimanapun, kajian tersebut memaparkan halangan yang dihadapi oleh pelajar.

Contohnya, capaian internet yang lemah, tiada komputer, persekitaran rumah yang tidak kondusif dan kesukaran menyesuaikan diri dengan PdP dalam talian.

Walaupun kajian di atas menunjukkan responden menerima kelebihan kelas dalam talian, namun kajian Munirah et al (2021) menunjukkan kelas dalam talian adalah kurang berkesan serta tidak mendatangkan motivasi dalam kalangan responden berbanding dengan kelas secara bersemuka.

Kajian Siti Nor Lailiyah, Yusmaria dan Zulkurnain (2021) menunjukkan tahap sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran PdP dalam talian di sepanjang tempoh PKP berada pada tahap yang sederhana.

Kajian Zamry dan Nur Ashikin (2021) ke atas sikap, persepsi dan perbandingan pembelajaran atas talian dan bersemuka bagi subjek *Mechanics of Civil Engineering Structures* semasa pandemik Covid-19. Hasil kajian mendapati semasa peralihan daripada pembelajaran bersemuka ke pembelajaran secara atas talian bagi setiap aspek yang dikaji terhadap pelajar adalah sederhana.

Kajian Kok (2020) menunjukkan pelajar bagi subjek *Pengajian Pengantar Profesional* lebih berpuas hati dengan kelas secara bersemuka berbanding kelas dalam talian semasa pelaksanaan PKP.

Kajian Munirah et al. (2021) berpendapat bahawa pembelajaran bersemuka lebih mudah diterima oleh pelajar berbanding dengan pembelajaran dalam talian. Kebanyakan responden lebih cenderung kepada pembelajaran bersemuka untuk mendapat kefahaman dan motivasi yang lebih tinggi untuk belajar.

Zulkifli Manzor et al. (2021) menyatakan pembelajaran secara bersemuka menjadi pilihan bagi sesetengah pelajar khususnya pelajar kelas peperiksaan kerana ia secara umum dapat meningkatkan fokus pelajar. Pelajar juga berpendapat pembelajaran secara bersemuka adalah lebih menyeronokkan dan dapat terus bertanya kepada guru tanpa ada gangguan.

Kajian Meera Mathera dan Alena Sarkans (2018) ke atas perspektif pelajar Kolej Komuniti Ontario terhadap pembelajaran dalam talian dan bersemuka. Enam isu yang diterokai ialah keutamaan (preference), interaksi, beban kerja, prestasi, cabaran dan keutamaan untuk pembelajaran masa hadapan. Kajian tersebut mendapati terdapat perbezaan dalam persepsi pelajar terhadap prestasi, cabaran, kepuasan, dan pencapaian dalam pembelajaran dalam talian dan bersemuka. Antara faktor pelajar memilih untuk mengikuti kursus secara dalam talian adalah fleksibiliti, kebolehcapaian, kemudahan mengimbangi kehidupan peribadi, kerjaya dan pelajaran serta keinginan untuk mengalami cara pembelajaran baharu. Sementara itu, bagi pelajar yang mengikuti kursus secara bersemuka pula, interaksi dengan rakan sekelas dan fakulti serta kandungan kursus adalah sebab utama pilihan mereka.

Ini menunjukkan tiada mod pengajian yang terbaik. Kelas dalam talian dan kelas bersemuka mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Justeru itu, Abdul Halim Masnan (2021) berpendapat kedua-dua mod pembelajaran iaitu kelas dalam talian dan kelas bersemuka seharusnya seimbang dan seiring.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan temu bual sebagai instrumen untuk mengumpul data. Seramai 12 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Enam orang pelajar adalah lelaki dan enam orang pelajar adalah perempuan. Selain itu, enam orang pelajar adalah pelajar sedang mengikut program sarjana muda dan enam orang pelajar sedang mengikut program diploma. Kesemua pelajar dipilih secara rawak dan telah bersetuju untuk menjalani temu bual ini. Kesemua pelajar ini telah mengikuti kursus Mandarin 1 pada semester Januari 2022 secara dalam talian dan mengikuti kursus Mandarin 2 pada semester September 2022 secara bersemuka.

Kajian ini berfokus kepada maklum balas 12 orang responden tersebut. Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar yang mengikut kursus Mandarin pada kedua-dua semester tersebut.

Sebanyak tujuh soalan dikemukakan semasa temu bual. Berikut adalah soalan tersebut:

- i. Anda lebih suka mengikuti kursus bahasa Mandarin secara dalam talian atau bersemuka? Kenapa?
- ii. Pada pendapat anda, kelas secara dalam talian atau bersemuka lebih berkesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin? Kenapa?
- iii. Pada pendapat anda, kelas secara dalam talian atau bersemuka lebih membantu untuk meningkatkan minat mempelajari bahasa Mandarin? Kenapa?
- iv. Pada pendapat anda, aktiviti membaca teks bagi kursus bahasa Mandarin lebih berkesan dengan kelas secara dalam talian atau bersemuka? Kenapa?
- v. Pada pendapat anda, aktiviti membuat latihan bagi kursus bahasa Mandarin lebih berkesan dengan kelas secara dalam talian atau bersemuka? Kenapa?
- vi. Pada pendapat anda, ujian bertulis bagi kursus bahasa Mandarin secara dalam talian atau bersemuka lebih mencabar? Kenapa?
- vii. Pada masa hadapan, anda lebih suka pengajar bahasa Mandarin menggunakan kelas secara dalam talian atau bersemuka? Kenapa?

5. Dapatan Kajian

Data asal bagi kajian ini adalah daripada temu bual. Sebanyak tujuh soalan dikemukakan semasa temu bual. Berikut adalah dapatan temu bual.

- a) Soalan pertama: Anda lebih suka mengikuti kursus bahasa Mandarin secara dalam talian atau bersemuka? Kenapa?

Secara keseluruhannya, kesemua responden lebih suka mengikuti kursus bahasa Mandarin secara bersemuka berbanding dengan secara dalam talian. Antara maklum balas yang diberi adalah seperti berikut:

- i. Boleh kenal kawan yang ada di dalam kelas.
- ii. Menghadiri kelas bersemuka lebih disiplin berbanding dengan kelas dalam talian.
- iii. Menghadiri kelas bersemuka mempunyai peluang yang lebih banyak untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan pengajar dan rakan sekelas.
- iv. Menghadiri kelas bersemuka lebih senang berkomunikasi dan berinteraksi dengan pengajar dan rakan sekelas
- v. Lebih fokus dan memberi perhatian dalam kelas bersemuka.
- vi. Mudah mengantuk semasa kelas dalam talian.
- vii. Lebih senang memahami apa yang diajar dan mengikuti kelas dalam bersemuka kerana kelas dalam talian ada pelbagai gangguan khususnya masalah capaian internet.

b) Soalan kedua: Pada pendapat anda, kelas secara dalam talian atau bersemuka lebih berkesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin? Kenapa?

Secara keseluruhannya, kesemua responden berpendapat kelas bersemuka lebih berkesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin berbanding dengan kelas dalam talian. Antara maklum balas yang diberi adalah seperti berikut:

- i. Boleh terus tanya dan dapat jawapan daripada pengajar sekiranya tidak faham atau mempunyai masalah tentang sebutan, maksud perkataan, aksara Cina dan sebagainya.
- ii. Lebih senang berkomunikasi dan berinteraksi dengan pengajar dan rakan sekelas.
- iii. Lebih fokus dan memberi perhatian.
- iv. Banyak aktiviti yang melatih pertuturan boleh dijalankan dalam kelas bersemuka.
- v. Dapat mempraktikkan cara penulisan dan pertuturan di dalam kelas. Kalau ada kesalahan dari segi penulisan dan pertuturan, pengajar boleh terus memperbetulkan.

c) Soalan ketiga: Pada pendapat anda, kelas secara dalam talian atau bersemuka lebih membantu untuk meningkatkan minat mempelajari bahasa Mandarin? Kenapa?

Secara keseluruhannya, kesemua responden berpendapat kelas bersemuka lebih membantu untuk meningkatkan minat mempelajari bahasa Mandarin berbanding dengan kelas dalam talian. Antara maklum balas yang diberi adalah seperti berikut:

- i. Lebih fokus dan memberi perhatian.
- ii. Lebih senang berkomunikasi dan berinteraksi dengan pengajar dan rakan sekelas.
- iii. Tidak rasa mengantuk.
- iv. Boleh terus tanya dan dapat respon daripada pengajar dan rakan sekelas.
- v. Suasana kelas lebih meriah dan pembelajaran menjadi lebih seronok.
- vi. Terdapat perbagai aktiviti semasa kelas bersemuka dengan pemantauan pengajar.
- vii. Boleh praktik dan berinteraksi dengan kawan di dalam kelas bersemuka. Keyakinan bertutur bertambah dan minat belajar turut meningkat.
- viii. Pengajar tanya soalan kepada pelajar. Sekiranya silap, pengajar akan memperbetulkan.

d) Soalan keempat: Pada pendapat anda, aktiviti membaca teks bagi kursus bahasa Mandarin lebih berkesan dengan kelas secara dalam talian atau bersemuka? Kenapa?

Secara keseluruhannya, seramai 11 orang responden berpendapat aktiviti membaca teks dalam kelas bersemuka lebih berkesan berbanding dengan kelas dalam talian bagi kursus bahasa Mandarin. Antara maklum balas yang diberi adalah seperti berikut:

- i. Masalah capaian internet menyebabkan banyak gangguan. Contohnya capaian internet yang tidak baik menyebabkan tidak dengar suara dan suara tidak dapat didengar, komputer tiba-tiba tidak dapat berfungsi.
- ii. Dapat nampak dengan jelas pergerakan mulut dan intonasi yang betul bagi sesuatu sebutan.
- iii. Sekiranya ada perkataan yang tidak faham boleh terus tanya pengajar di kelas fizikal.
- iv. Kalau kita tidak tahu cara hendak sebut sesuatu perkataan, kita boleh terus tanya pengajar.
- v. Saya dapat bersemuka dengan rakan sekelas. Kalau kelas dalam talian, walaupun kita cakap salah, tetapi kita dengar lebih kurang sama sahaja sebab masalah capaian internet. Kalau kelas bersemuka, kalau salah, pengajar akan terus memperbetulkan. Ini akan membantu kita bertutur bahasa Mandarin dengan betul.
- vi. Lebih mudah bagi kita latih bahasa Mandarin dalam kelas bersemuka.

- vii. Terdapat pelajar yang sengaja tidak mendengar apabila nama dipanggil untuk mengelak daripada membaca teks. Kalau kelas bersemuka, pelajar tidak dapat buat sedemikian.
- viii. Lebih berkesan dalam kelas bersemuka kerana setiap tutur kata dapat didengar dengan jelas. Sekiranya ada kesilapan dan kesalahan sebutan, pengajar akan terus tegur dan memperbetulkan.
- ix. Dapat memahami apa yang disampaikan oleh pengajar dengan lebih jelas.

Terdapat seorang responden berpendapat kelas bersemuka dan kelas dalam talian tiada banyak perbezaan. Walau bagaimanapun, responden tersebut bersetuju bahawa kelebihan kelas bersemuka adalah kalau ada sebutan yang mengelirukan boleh terus tanya kepada pengajar.

e) Soalan kelima: Pada pendapat anda, aktiviti membuat latihan bagi kursus bahasa Mandarin lebih berkesan dengan kelas secara dalam talian atau bersemuka? Kenapa?

Secara keseluruhannya, kesemua responden berpendapat aktiviti membuat latihan dalam kelas bersemuka lebih berkesan berbanding dengan kelas dalam talian bagi kursus bahasa Mandarin. Antara maklum balas yang diberi adalah seperti berikut:

- i. Pengajar akan membuat semakan dan pelajar akan terus membuat pembetulan sekiranya terdapat kesalahan atau tertinggal tulis. Ini akan meningkatkan penguasaan aksara Cina.
- ii. Membuat latihan dengan lebih berhati-hati di bawah pemantauan pengajar di dalam kelas fizikal.
- iii. Boleh terus tanya sekiranya tidak faham.
- iv. Di bawah pemantauan pengajar, pelajar akan buat latihan. Sambil buat latihan, sambil mengenal aksara Cina. Semakin banyak pelajar tulis, semakin senang dapat pemahaman.
- v. Boleh terus tanya pengajar atau rakan sekelas Sekiranya lupa sesuatu perkataan atau ayat, pelajar akan dapat maklum balas lebih cepat.
- vi. Lebih fokus membuat latihan.
- vii. Boleh buat perbincangan dengan rakan sekelas. Sebaliknya di kelas dalam talian, ada yang segan silu buka mikrofon untuk tanya.

f) Soalan keenam: Pada pendapat anda, ujian bertulis bagi kursus bahasa Mandarin secara dalam talian atau bersemuka lebih mencabar? Kenapa?

Secara keseluruhannya, terdapat 10 orang responden berpendapat ujian bertulis secara bersemuka lebih mencabar berbanding dengan kelas dalam talian bagi kursus bahasa Mandarin. Antara maklum balas yang diberi adalah seperti berikut:

- i. Kena terpaksa memotivasikan diri untuk mengulangkaji, berusaha bersungguh-sungguh dan membuat persediaan sebelum ujian bertulis.
- ii. Tahap kefahaman Mandarin lebih dapat diuji.
- iii. Bagi pelajar pada peringkat permulaan agak sukar mengingati apa yang dipelajari. Apa yang dihafal kadang-kadang akan lupa.
- iv. Lebih selesa dan lebih yakin baca melalui skrin. Kalau baca secara kertas, kadang-kadang menjadi lambat. Suasana kelas fizikal semasa ujian bertulis menjadikan pelajar lebih gementar.
- v. Pelajar tidak dapat meniru.

Terdapat dua orang responden berpendapat ujian bertulis secara dalam talian lebih mencabar. Antara maklum balas yang diberi adalah seperti berikut:

- i. Kurang selesa dengan aspek teknikal, contohnya tangkap gambar dan gabungkan dan muat naik jawapan.

ii. Agak sukar menjawab soalan.

g) Soalan ketujuh: Pada masa hadapan, anda lebih suka pengajar bahasa Mandarin menggunakan kelas secara dalam talian atau bersemuka? Kenapa?

Secara keseluruhannya, kesemua responden lebih suka pengajar bahasa Mandarin menggunakan kelas bersemuka pada masa hadapan. Antara maklum balas yang diberi adalah seperti berikut:

- i. Persekitaran kelas bersemuka yang selesa dan kondusif meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin pelajar.
- ii. Lebih banyak berinteraksi dan berkomunikasi dengan pengajar meningkatkan keyakinan bertutur dalam bahasa Mandarin.
- iii. Lebih fokus dan memberi perhatian.
- iv. Lebih senang faham.
- v. Boleh tanya pengajar sekiranya tidak faham sesuatu topik.
- vi. Lebih senang berinteraksi dengan pengajar dan rakan sekelas.
- vii. Banyak aktiviti dan latihan.
- viii. Sesi soal jawab memberi peluang lebih banyak bercakap, menjadikan pelajar lebih fokus dan senang mengingat.
- ix. Lebih fokus dan dapat membuat latihan dan baca teks dengan lebih tepat sambil dipantau rapat oleh pengajar.
- x. Pelajar boleh belajar dengan lebih fokus dan secara tidak langsung bahasa Mandarin saya menjadi lebih fasih.
- xi. Banyak kemudahan, senang bertanya dengan pengajar.
- xii. Lebih senang untuk belajar, lebih mudah faham dan senang untuk tanya soalan.

6. Perbincangan

Penularan pandemik Covid-19 telah mengubah landskap pendidikan. Dengan pelaksanaan PKP mulai 18 Mac 2020, pelajar perlu mengadaptasi dengan kelas dalam talian hampir tiga tahun. Walau bagaimanapun, setelah fasa peralihan ke endemik mulai 1hb April 2022, pelajar mula kembali ke kelas bersemuka seperti sediakala. Peralihan dari kelas bersemuka ke kelas dalam talian dan kembali semula ke kelas bersemuka nescaya memberi banyak pengalaman kepada pelajar.

Memang tidak dapat dinafikan, semasa penularan pandemik Covid-19, kelas dalam talian adalah pilihan terbaik. Dalam konteks tersebut, kelas dalam talian adalah alternatif terpenting agar pelajar tidak tertinggal dalam pembelajaran dan tidak tercicir dalam pelajaran. Hasil kajian Fairuz et al. (2020) mendapati semakin takut terhadap Covid-19, semakin bersedia pelajar untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Ketakutan terhadap Covid-19 memberi kesan terhadap kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dalam talian dengan lebih serius. Hasil kajian tersebut menunjukkan pembelajaran dalam talian sangat diperlukan semasa situasi pandemik Covid-19.

Walaupun bagaimanapun, setelah negara kita memasuki fasa peralihan ke endemik, ketakutan terhadap Covid-19 akan semakin berkurangan. Dengan ini kelas bersemuka kembali menjadi pilihan utama pelajar. Contohnya, laporan oleh Mohd Ridzaudin (2021) menyatakan sekiranya dibandingkan dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), PdP secara bersemuka lebih disukai dan disokong oleh pelajar, pengajar dan ibu bapa.

Sejajar dengan perkembangan ini, dapatan kajian ini jelas menunjukkan pelajar lebih cenderung kepada kelas bersemuka. Di samping itu, dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Munirah (2021) yang mendapati pembelajaran dalam talian adalah kurang berkesan dan tidak bermotivasi berbanding dengan pembelajaran secara bersemuka dalam kalangan responden.

Seperti yang dinyatakan oleh Guru Bahasa, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Norhayati Alias bahawa “pembelajaran bahasa asing merangkumi aspek yang luas dan perlu memenuhi objektif iaitu kecekapan komunikatif linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik. Kecekapan ini antara lainnya boleh dicapai melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti bahasa yang merangkumi pemahaman, ekspresi, interaksi atau pengantaraan khususnya, mentafsir atau menterjemah” (Norhayati, 2022).

Justeru itu, kesesuaian bentuk sesuatu kursus juga perlu diberi perhatian dalam melaksanakan kelas dalam talian. Kursus bahasa Mandarin melibatkan praktikal dari segi pendengaran, pertuturan, pembacaan dan penulisan. Kesemua aspek ini memerlukan pengalaman secara langsung sebagai sebahagian daripada aktiviti Pdp untuk meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Selain itu, penglibatan pelajar secara langsung di dalam kelas bersemuka di bawah pemantauan pengajar juga akan menjadikan pelajar lebih fokus dan memberi perhatian sepanjang Pdp dijalankan.

Ini selari dengan dapatan kajian Zamry dan Nur Ashikin (2021) yang mendapati kebanyakan responden tidak bersetuju bahawa mereka lebih mudah untuk mengambil bahagian semasa aktiviti kumpulan di kelas secara dalam talian berbanding dengan kelas secara bersemuka.

Selain itu, aktiviti Pdp harus dikendalikan dalam suasana kelas yang kondusif. Dalam konteks ini, kelas bersemuka adalah lebih berkesan berbanding dengan kelas dalam talian. Pelajar boleh terus mengemukakan soalan dan pertanyaan sekiranya menghadapi kemusykilan dan pengajar boleh terus memberi penjelasan dan bantuan kepada pelajar. Interaksi dan komunikasi secara langsung dan konsisten menjadikan proses Pdp lebih menyeronokan. Ini akan membantu pelajar lebih fokus dalam kelas, sekaligus meningkatkan pemahaman pelajaran dan penguasaan bahasa Mandarin. Ini selari dengan kajian Meera Mathera dan Alena Sarkans (2018) yang mendapati pelajar yang memilih pembelajaran secara bersemuka menekankan kepentingan berinteraksi dengan rakan sekelas dan fakulti kerana interaksi yang mendapat maklum balas segera dan serta-merta meningkatkan pembelajaran mereka.

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini telah mamaparkan sikap dan pendapat pelajar terhadap kursus ini. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak menggambarkan keseluruhan penerimaan pelajar terhadap kelas bersemuka berbanding dengan kelas dalam talian. Namun begitu kajian ini telah memberi maklumat yang penting dan berguna kepada pihak pengurusan dan warga pendidik bahasa Mandarin.

7. Kesimpulan

Sejajar dengan pelaksanaan pelbagai jenis perintah kawalan pergerakan demi membendung penularan pandemik Covid-19, kelas dalam talian telah menjadi pilihan terpenting dan utama. Walau bagaimanapun, setelah negara kita memasuki fasa peralihan ke endemik, kelas bersemuka telah kembali seperti sediakala. Peralihan ini telah memberi pengalaman yang berlainan kepada pelajar melalui dua jenis mod pengajian yang berlainan iaitu kelas dalam talian dan kelas bersemuka.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan pelajar lebih cenderung kepada kelas bersemuka berbanding dengan kelas dalam talian bagi kursus bahasa Mandarin. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak menggambarkan keseluruhan penerimaan pelajar terhadap kelas bersemuka berbanding dengan kelas dalam talian untuk semua kursus di UniKL MSI. Namun begitu, dapatan kajian telah memberi maklumat yang berguna kepada pihak pengurusan dan warga pendidik untuk merancang mod pengajian yang sesuai.

Pada dasarnya, kelas dalam talian dan kelas bersemuka mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing. Kedua-dua mod pengajian ini telah memainkan peranan masing-masing pada situasi dan konteks yang berlainan. Pelajar haruslah sentiasa bersedia dan bijak beradaptasi dengan sebarang mod pengajian yang digunakan sejajar dengan perubahan semasa dan norma baharu dalam bidang pendidikan untuk memastikan kelangsungan dalam menuntut pelajaran dan menerima ilmu pengetahuan. Selain itu, pihak pengurusan dan warga pendidik juga memainkan peranan penting dan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan mod pengajian yang terbaik demi kebaikan pelajar.

Dengan ini disyorkan kajian yang seterusnya ialah mengkaji hubungan di antara prestasi akademik pelajar yang mengikuti kelas bersemuka dan kelas dalam talian. Kajian boleh bertumpukan sama ada terdapat kaitan di antara pencapaian markah pelajar dengan kedua-dua jenis mod pengajian tersebut. Selain itu, disarankan juga sampel yang lebih ramai digunakan agar perbandingan yang lebih terperinci dapat dilakukan.

Rujukan

- Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat (2020). Pembelajaran Atas Talian: Tinjauan Terhadap Kesediaan dan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 68-82.
- Abdul Halim Masnan (2021). Pembelajaran Bersemuka, PdPR Perlu Seiring. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/03/791472/pembelajaran-bersemuka-pdpr-perlu-seiring>.
- Chung, E., Noor, N. M., & Vloreen Nity Mathew (2020). Are You Ready? An Assessment of Online Learning Readiness among University Students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(1), 301-317.
- Khairul Izwan Abdul Wahab & Zulkurnain Hassan (2021). Kebolehlaksanaan Pembelajaran Melalui Aplikasi Microsoft Teams di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(10), 1-14.
- Kok, K. H. (2020). Interaksi Tidak Bersemuka Dan Perintah Kawalan Pergerakan Wabak Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 202-211.
- Larry, D. (2020). "Online Learning Gets Its Moment Due to COVID-19 Pandemic: Here's How Education Will Change," ZDNet.
- Mazidah Musa & Nor Aidawati Abdillah (2021). Penggunaan Google Meet dalam Proses Pengajaran Pembelajaran di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *Journal of Modern Education*, 3(8), 104-113.
- Meera Mathera & Alena Sarkans (2018). Student Perceptions of Online and Face-to-Face Learning. *International Journal of Curriculum and Instruction*, 10(2), 61-76.
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang (2020). Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID 19. Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan, 404-410.

- Mohd Ridzauddin Roslan (2021). Pelajar Mahu Kelas Bersemuka Berbanding PdPR. Dicapai daripada <https://www.kosmo.com.my/2021/04/25/pelajar-mahu-kelas-bersemuka-berbanding-pdpr/>.
- Munirah Salleh, Mohd Faisal Jamaludin, Noor Syaheeda Mohd Safie & Julia Mohd Yusof (2021). Tinjauan Keberkesanan Pembelajaran Secara Dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar Sains Kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 374-384.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng (2020). Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik COVID-19. Shah Alam: SIG: e-Learning@CS, 23-30.
- Noor Syaheerah Hamdan & Tajul Arifin Muhammad (2021). Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kuala Lumpur Dan Keterlibatan Pelajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19. 2nd International Conference on Education, Social Sciences and Engineering (ICESE 2021).
- Nor Aidawati Abdillah & Mazidah Musa (2021). Kesiediaan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Norma Baru di Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *International Journal of Modern Education*, 3(8), 114-124.
- Nor Musfirah Mohamad (2021). Cabaran Pedagogi Norma Baharu Di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 243-254.
- Norhafinas Abd Latib, Mohd Nizam Edrusi & Junaidah Muhamad (2021). Pembelajaran Matematik Secara Atas Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Journal of Modern Education*, 3(8), 91-103.
- Norhayati Alias (2022). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Asing Dalam Era Endemik. Dicapai daripada <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2149074>.
- Rozelia Haizah Abd Razak & Nur Farakhanna Mohd Rusli (2022). Pembelajaran Secara dalam Talian: Tahap Kesiediaan dan Keberkesanan Pelaksanaannya kepada Pelajar. *LSP International Journal*, Vol. 9, Issue 1, 31-43.
- Roziyaliney Muhammad, Haris Fadillah Hasan & Norwahida Saamri (2021). Persediaan Terhadap Penggunaan MS Teams Sebagai Platform Utama PdPDT Di Kalangan Pelajar JTMK PMS. *Journal of Modern Education*, 3(8), 138-148.
- Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin & Zulkurnain Hassan (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, Vol 2, Issue 10, 1-14.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat (2020). Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Shah Alam: SIG: e-Learning@CS, 14-22.
- Siti Nor Lailiyah Ibrahim, Yusmaria Mohd Yusoff, Zulkurnain Hassan (2021). Covid-19: Sikap, Motivasi dan Halangan Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) Pelajar Kolej Komuniti Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 77-91.
- Siti Nurshahidah Sah Allam, Mohd Sufiean Hassan, Rosilawati Sultan Mohideen, Aini Faezah Ramlan & Rusydi Mohd Kamal (2020). Online Distance Learning Readiness During Covid-19 Outbreak Among Undergraduate Students. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 10(5), 642-657.
- Tan, H.A. & Tan, T.L. (2022). Kesiediaan Dan Persepsi Pelajar Kursus Bahasa Mandarin Di Universiti Teknikal Terhadap Pembelajaran Atas Talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 77-85.

- Tan, H.A. & Tan, T.L. (2023). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Microsoft Teams Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin Secara Dalam Talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 532-543.
- Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman (2021). Peralihan Dari Pembelajaran Bersemuka Ke Pembelajaran Secara Atas Talian Untuk Subjek Mechanics Of Civil Engineering Structures semasa Pandemik COVID-19. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 2(2), 11-18.
- Zulkifli Manzor et al. (2021). Belajar Secara Bersemuka Lebih Fokus. Dicapai daripada <https://www.kosmo.com.my/2021/07/14/belajar-secara-bersemuka-lebih-fokus/>.